

Headline	Warga emas kesal tukar jantina		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	02 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	297,950
Page No	D11	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	455 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,404
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,213



Warga emas kesal tukar jantina

» *Rayu bantuan untuk jadi lelaki semula*

▀ **London**

Seorang pesara merayu dengan Perkhidmatan Kesihatan Nasional (NHS) supaya menukar semula dirinya daripada seorang wanita kepada lelaki, selepas menyedari pembedahan menukar jantina yang dijalaninya 23 tahun lalu satu kesilapan besar.

Veteran tentera udara diraja (RAF) Gary Norton, 75, menjalani pembedahan menukar jantina penuh daripada seorang lelaki kepada wanita, namun berkata ia menyebabkannya terperangkap di dalam tubuh yang salah.

Buang pakaian wanita

Beliau kini membuang pakaian wanita untuk hidup sebagai seorang lelaki semula dan berada di dalam senarai menunggu untuk pembedahan membuang payudara.

Pesara itu, yang masih secara fizikal dan perundangan seorang wanita, berkata beliau terdesak untuk kembali kepada jantina asalnya sebelum terlambat.

Gary mengemukakan permohonan maaf kepada keluarganya, yang membuangnya selepas mereka mengetahui kehidupan rahsianya.

Gary, yang menukar namanya kepada Gillian se-

lepas disingkir isteri dan empat anaknya, berkata beliau tahu pertukaran jantina itu satu kesilapan apabila bosan membelek rambut dan mekap sedang hatinya sentiasa tertarik kepada wanita.

Beliau berkata: "Saya seorang lelaki bernaflu dan sentiasa bergelora. Saya masih tidak percaya perkara ini berlaku kepada saya. Saya tidak sepatutnya diberi peluang melakukan pembedahan. Saya cuba menjadikannya berjaya, apa yang boleh saya lakukan?"

"Namun saya hidup dalam penipuan. Pertukaran jantina itu adalah satu kesilapan besar. Saya terpedaya dan diberi nasihat salah yang merosakkan hidup saya. Saya tidak mahu ia berlaku kepada orang lain," katanya.

Gary, dari Coventry, merayu dengan doktor supaya menukarnya kembali kepada seorang lelaki, mendakwa dia tidak seharusnya menjalani pembedahan.

Insurans enggan biaya

Namun insurans kesihatannya Primary Care Trust setakat ini enggan membiayai satu pembedahan berbalik.

Kini beliau mahu memberi amaran kepada yang lain supaya mempertimbangkan pembedahan me-

nukar jantina dan membuat permohonan maaf terdesak kepada keluarga yang membuangnya.

"Melakukan pertukaran jantina adalah kesilapan terbesar dalam hidup saya. Ia menyebabkan saya terasing daripada anak saya dan tidak dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan sosial. Saya akan melakukan apa saja untuk berjumpa mereka semula.

"Saya keseorangan kerana saya mahukan hubungan dengan wanita namun tidak boleh meneruskan hubungan fizikal kerana tiada alat sulit.

"Saya menasihatkan yang lain supaya berfikir masak-masak, ia adalah satu kesilapan besar untuk melakukannya kerana ia tiada jalan keluar," kata Gary.

Kisah Gary bermula apabila dia mendapatkan bantuan kerana kemurungan daripada doktorinya. Ketika pertemuan itu dia mengakui memakai pakaian isterinya untuk merasa teruja. Dia kini menyedari bahawa keinginannya adalah setakat itu saja.


Namun dia mendakwa doktorinya membuat kesimpulan dia mungkin murung kerana mahu menjadi seorang wanita dan menasihatkannya supaya mula mengambil pil hormon.

Agensi

Headline	Warga emas kesal tukar jantina		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	02 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	297,950
Page No	D11	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	455 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,404
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,213

“
**Saya seorang
 lelaki bernafsu
 dan sentiasa
 bergelora. Saya
 masih tidak
 percaya perkara ini
 berlaku kepada
 saya”**

Gary Norton,
 Veteran RAF



Wajah Gary **sebelum menukar jantina** 23 tahun lalu.



Gary kini **berusaha untuk menukar semula jantিনanya**. Gambar kanan, Gary ketika menjadi wanita.